

Selangor siap sedia hadapi air pasang besar

Shah Alam: Kerajaan negeri sudah bersedia menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka pada bulan depan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, arahan kepada agensi berkaitan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri untuk memperbaiki benteng yang pecah dan tidak kukuh sudah diberi, khususnya di kawasan berkemungkinan berlaku banjir kilat seperti kali ini.

“Mengikut ramalan kaji cuaca, insiden sama akan berlaku lagi pada pertengahan Oktober, disusuli November dan Disember.

“Semua agensi dan JPS perlu memperbaiki benteng yang tidak kukuh supaya masalah benteng atau ban pecah tidak berlaku pada masa depan,” katanya ketika melawat mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Muda semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib pula berkata, fenomena air pasang besar berlaku dari 14 September hingga semalam mengulangi kes luar biasa pada tahun 2006.

Diminta berwaspada

Katanya, fenomena sama akan terus berlaku sehingga akhir tahun ini, khususnya pada minggu ketiga setiap bulan dan dijangka menecah ketinggian paras air sehingga 5.7 meter.

“Penduduk berhampiran pantai diminta berwaspada dengan kemungkinan berlaku lagi banjir, selain sentiasa peka dengan maklumat terkini dan mematuhi arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa,” katanya.

Di **Ipoh**, banjir air pasang besar semakin pulih apabila satu daripada tiga pusat pemindahan ditutup dan 13 mangsa dibenarkan pulang pada jam 1 tengah hari semalam.

Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri, berkata 13 mangsa sebelum itu ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Nelayan.

“Pihak kami terus berjaga-jaga untuk memindahkan mereka semula jika air pasang besar kembali berlaku,” katanya.

Di **Pantai Remis**, Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Tengku Mohd Zailan Tengku Ahmad Shah, berkata mangsa banjir di Kampung Bangan Panchor yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Panchor setakat jam 5 petang semalam meningkat kepada 73 orang daripada 18 keluarga.

Di daerah **Bagan Datoh**, bilangan penduduk terjejas ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Tapak Semenang kekal 17 orang daripada tiga keluarga sehingga jam 2 petang semalam.

Di **Melaka**, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Mohamad Radzi Abdul Talib berkata, fenomena air pasang besar di sepanjang pesisir pantai di negeri ini terkawal, walaupun ketinggian ombak pada tahap maksimum iaitu 1.69 meter Ahad lalu.

Di **Sungai Petani**, lebih 160 mangsa berpindah selepas rumah dinaiki banjir sejak awal pagi Sabtu lalu.



Untuk video

layari www.bharian.com.my